

**TEKS UCAPAN
Y.BHG. DATO' REKTOR KUKUM
SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN
MAJLIS PENGHUNI KOLEJ KEDIAMAN (MPKK)
29HB JAN 2007, HOLIDAY VILLA**

SALUTATION :

Y.BHG. PROF. DR. ALI YEON MD SHAKAFF
Timb. Rektor (Akademik & Antarabangsa)

Y.BHG. PROF. MADYA DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
Timb. Rektor (Penyelidikan & Inovasi)

Y.BHG. TN. HJ. RUSLI HJ. ABD. HAMID
Pendaftar

Y.BHG. TN. HJ. AYOB ISMAIL
Bendahari

Y.BHG. PN. HJH. FOYZIAH AHMAD NASURUDDIN
Ketua Pustakawan

Y.BERUSAHA PROF. MADYA SHAMSHUL BAHAR YAAKOB
Dekan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Y.BERUSAHA EN. ZUBER HJ MOHAMAD &
EN. MOHD MUSTAFA AL BAKRI
Pengetua Kolej-kolej Kediaman

Penolong-Penolong Pengetua dan Penolong-Penolong Pengurus Asrama
Barisan Majlis Perwakilan Pelajar, dan

YANG DIRAIKAN BARISAN MAJLIS PENGHUNI KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN
SESI 2007

Seterusnya hadirin hadirat sekalian.

INTRODUCTION :

ASSALAMUALAIKUM W.B.T & SALAM SEJAHTERA

Saya memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana masih berkesempatan bersama dengan para pelajar sekalian dalam majlis yang saya kira cukup bermakna bagi universiti amnya dan para penghuni kolej kediaman khususnya.

POINT 1 :

Para pelajar sekalian, Kolej Kediaman merupakan satu tapak yang cukup besar bagi perkembangan seorang pelajar apabila menuntut di menara gading. Jika dilihat seharian semasa kita bergelar mahasiswa, masa yang paling banyak kita ada adalah di asrama (kolej kediaman). Berbagai aktiviti boleh dilaksanakan di kolej kediaman samada secara harian, mingguan, bulanan mahupun tahunan. Saya merasakan adalah satu kerugian kepada pelajar yang tidak menggunakan langsung peluang yang ada untuk membina potensi diri dan mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti yang dianjurkan.

POINT 2 :

Majlis Penghuni Kolej Kediaman (MPKK) yang ditubuhkan bukan sahaja berfungsi sebagai perantara penghuni dan pihak pengurusan dalam hal-hal kebajikan, tetapi anda semua mempunyai peranan yang cukup penting dalam menggerakkan para penghuni kolej kediaman agar bergiat aktif. Untuk itu, MPKK perlulah merancang dan menganjurkan program yang menarik dalam menghidupkan suasana kolej kediaman anda semua. Sudah tiba masanya, kita di peringkat kolej kediaman menganjurkan program peringkat universiti atau kebangsaan tanpa mengeneipkan program-program atau pertandingan-pertandingan 'inter college'. Saya percaya program seperti ini mampu menghindarkan gejala yang tidak sihat di kolej kediaman dan melahirkan minda yang cerdas. Justeru itu, saya mempunyai harapan yang cukup tinggi kepada barisan MPKK untuk menggembleng tenaga bersama-sama dengan pengurusan universiti meningkatkan mutu dan kualiti mahasiswa KUKUM ke arah mencapai misi dan visi universiti.

POINT 3 :

Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada 2 orang kuat kolej kediaman En. Zuber dan En. Mustafa yang telah bertungkus lumus memastikan kolej kediaman terus berada dilandasan yang betul. Tidak lupa juga kepada Penolong-penolong Pengetua dan Penolong-penolong Pengurus Asrama, yang sanggup mengorbankan 'privacy' anda dalam membantu menggerakkan kolej kediaman walaupun sentiasa sibuk dengan kerja hakiki. Terima kasih sekali agi diucapkan.

POINT 4 :

Untuk akhirnya, saya mengucapkan tahniah mewakili pihak universiti kepada barisan MPKK yang akan ditauliahkan sebentar nanti. Ingat, seaktif manapun kita dalam berprogram, akademik perlu diseimbangkan.

Sekian.